

# Umat Islam digesa dalam ilmu moden untuk bersaing

UM 1 2 APR 2001

KUALA LUMPUR 11 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan umat Islam khususnya orang Melayu supaya terus mempelajari serta mendalami ilmu-ilmu moden termasuk kejuruteraan dan perubatan bagi menjamin kemerdekaan negara.

Menurut Perdana Menteri, tanpa ilmu sumpama itu terutama bidang persenjataan moden, umat Islam akan terus ketinggalan, gagal bersaing dan akan mudah diperlekehkan oleh orang lain.

Dr. Mahathir berkata, beliau berasa amat sedih apabila mendapati pelajar Melayu tidak berminat untuk mempelajari ilmu-ilmu sebegini malah ada pihak mendakwa ia kononnya se-kular.

Sedangkan, kata beliau, agama Islam sendiri menuntut umatnya mempe-

jari ilmu-ilmu canggih ini untuk menggerakkan musuh demi mempertahankan diri.

“Kalau kita rasa bertanggungjawab terhadap agama, bangsa dan negara, kita perlulah kuasai ilmu mempertahankan kebebasan negara tetapi jika berpendapat hanya mempelajari agama sahaja baru dapat tempat di akhirat, saya fikir kita tidak dapat apa-apa.

“Sekarang, kita menghadapi cabaran yang serius. Kalau gagal, kita terpaksa tunggu 400 tahun lagi sebab ada orang yang mahu dan ingin menjajah kita semula.

“Sebab itu, kita perlu rasa bertanggungjawab dan serius dalam perkara ini (mempelajari ilmu moden),” katanya ketika berucap pada Majlis Malam Jambuan Nostalgia Graduan

Perubatan, Farmasi dan Pergigian Universiti-Universiti Mesir di Hotel Nikko di sini, malam ini.

Menurut Dr. Mahathir, mempelajari ilmu perubatan, kimia, kejuruteraan serta subjek sains yang lain sebenarnya sama penting dengan mempelajari Islam.

Beliau mengingatkan ini kerana ada pihak berpendapat tidak perlu mempelajari ilmu-ilmu ini kerana ia tidak dituntut oleh Islam.

“Apakah mungkin Islam boleh maju dan wujud jika tak ada orang Islam mempelajari ilmu-ilmu lain (selain agama) yang juga penting untuk kepentingan ummah.

“Kalau kita tak jadi doktor, siapa lagi yang boleh kita bergantung harap. Jika tak ada ilmu kejuruteraan, bagaimana nak haiki barangan terutama alat perangan,” katanya.

Sebaliknya, katanya, umat Islam terpaksa membeli daripada orang lain kerana tidak mampu mengeluarkan kereta kebal, kapal selam dan pesawat pejuang.

“Kalau kita tak dapat buat ini, apakah betul kita sudah menepati ajaran Islam,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir, kekuatan umat Islam tidak dicerminkan melalui siri-siri keganasan yang dilakukan oleh segelintir mereka di merata dunia sebaliknya ia terletak pada penguasaan ilmu-ilmu moden.

Dalam hubungan ini, katanya, orang Melayu sebenarnya boleh mencapai apa yang diingini sekiranya mereka berusaha keras ke arah itu.